

# PROGRAM VAKSIN COVID -19 SELANGOR (SelVAX)



## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### Pendaftaran

#### **1. Apakah itu Program Vaksin Selangor (SelVAX)?**

Program Vaksin Selangor adalah satu usaha Kerajaan Selangor sebagai langkah sokongan kepada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi mencapai sasaran imuniti kelompok. Ia mengandungi program yang bertujuan mempercepatkan proses inokulasi di kalangan kumpulan sasar yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Selangor (Program Kerajaan Negeri) dan program untuk melindungi ekonomi negeri Selangor yang menyumbang kepada hampir 25% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara (Program Industri).

Program Kerajaan Negeri akan diberi secara percuma kepada 250,000 orang yang masih belum menerima suntikan vaksin. Antara golongan yang terlibat adalah ahli Skim Peduli Sihat dan kumpulan B40. Program Industri pula ialah program berbayar terbuka kepada syarikat dan majikan secara sukarela dan bertujuan untuk memberi vaksin kepada lebih kurang 1,000,000 pekerja. Bagaimanapun, kos pemberian vaksin di bawah Program Industri ini perlu ditanggung sepenuhnya oleh majikan dan tidak dibenarkan untuk mengenakan sebarang kos ke atas pekerja mereka.

#### **2. Apakah cara untuk mendaftar dalam Program Vaksin Selangor?**

Anda boleh mendaftar di laman web SELANGKAH Vax (<https://vax.selangkah.my>).

#### **3. Siapakah yang layak mendaftar dalam Program Vaksin Selangor?**

Buat masa ini, pendaftaran dibuka kepada semua syarikat di Malaysia. Pendaftaran bagi individu/keluarga/kemudahan penjagaan kesihatan akan dibuka tidak lama lagi.

#### **4. Bilakah syarikat perlu menghantar senarai pekerja dan lokasi tempat kerja?**

Senarai pekerja seharusnya dihantar kepada kami secara emel (dalam format yang kami akan berikan) setelah pembayaran penuh telah dibuat.

#### **5. Saya telah mendaftar dan menerima sebut harga suntikan vaksin. Namun, terdapat perubahan dari segi bilangan pekerja. Bolehkah saya mendapatkan sebut harga baharu?**

Ya. Anda boleh mengubah bilangan pekerja anda di [vax.selangkah.my](https://vax.selangkah.my) dan sebut

harga baharu akan dihantar.

**6. Di manakah lokasi Program Vaksin Selangor?**

Sekiranya bilangan pekerja melebihi 1500, suntikan vaksin akan dijalankan di pusat pemberian vaksin yang ditetapkan atau di tempat kerja (bergantung kepada kesesuaian tempat kerja). Sekiranya bilangan pekerja kurang daripada 1500, suntikan vaksin akan dijalankan di Pusat Pentadbiran Vaksin (PPV) atau klinik panel yang ditetapkan.

**7. Sekiranya pekerja syarikat kami kurang daripada 1,500, bolehkah saya memohon suntikan vaksin dijalankan di tempat kerja?**

Tidak. Pekerja dinasihatkan untuk mengambil suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terdekat. Lokasi PPV akan dimaklumkan melalui sistem dalam talian atau pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan PPV.

**8. Adakah kos logistik akan dikenakan untuk vaksinasi di luar kawasan Selangor?**

Ya. Kos logistik akan dikenakan terhadap syarikat bagi penghantaran vaksin ke klinik panel di negeri – negeri luar kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**9. Bolehkah saya memilih lokasi tertentu untuk mendapatkan suntikan vaksin?**

Ya. Majikan akan diberikan pautan untuk memilih lokasi janji temu.

**10. Bilakah saya boleh memilih slot vaksinasi?**

Pemilihan slot vaksinasi hanya boleh dibuat selepas pembayaran penuh sebutharga.

**11. Syarikat saya memiliki lebih daripada satu anak syarikat/cawangan. Bolehkah saya mendaftarkan pekerja anak syarikat/cawangan di bawah syarikat induk?**

Ya.

**12. Saya telah mendaftarkan diri dalam Program Imunisasi Kebangsaan di aplikasi MySejahtera. Apakah yang terjadi dengan pendaftaran di MySejahtera sekiranya saya mendaftar dalam Program Vaksin Selangor?**

Rekod pendaftaran anda di MySejahtera tidak akan dipadam.

**13. Setelah suntikan vaksin melalui Program Vaksin Selangor sudah lengkap, adakah data berkenaan status suntikan vaksin akan muncul di MySejahtera?**

Ya. Laporan suntikan vaksin melalui Program Vaksin Selangor akan dikongsikan dengan KKM dan dikemaskini di MySejahtera.

**14. Bilakah data suntikan vaksin dos pertama yang diambil melalui Program Vaksin Selangor akan dikemaskini di MySejahtera?**

Data suntikan vaksin dos pertama akan mula dikemaskini secara berperingkat di MySejahtera bermula 12 Julai 2021. Jika anda menerima tarikh temujanji MySejahtera dalam tempoh sebelum pengemaskinian, anda harus membatalkan temujanji tersebut di MySejahtera.

**15. Bolehkah saya menjadualkan semula janji temu suntikan vaksin?**

Ya. Walau bagaimanapun, tarikh baharu harus diluluskan oleh pentadbir Program Program Vaksin Selangor.

**16. Adakah semua pekerja syarikat perlu memuat turun Aplikasi Selangkah bagi tujuan Program Vaksin Selangor?**

Ya. Bagi pekerja yang tidak mempunyai telefon pintar, mereka akan diberikan kad suntikan vaksin di lokasi Program Vaksin Selangor.

**17. Apakah jumlah maksimum pekerja yang boleh didaftarkan dalam Program Vaksin Selangor?**

Tiada had maksimum.

**18. Apakah jumlah minimum untuk melayakkan sesebuah syarikat mendaftar dalam Program Vaksin Selangor?**

Tiada had minimum.

**19. Bolehkah pekerja asing mendaftar dalam Program Vaksin Selangor?**

Ya, asalkan pekerja tersebut dapat menyediakan dokumentasi yang sah.

**20. Adakah pekerja diberikan sijil setelah melengkapkan dua dos vaksin?**

Ya. Kami akan mencetak sijil digital bagi menandakan seseorang pekerja sudah melengkapkan dua dos vaksin.

## **Vaksin**

**21. Bilakah program suntikan vaksin ini bakal bermula?**

Program suntikan vaksin ini bakal bermula pada hari Isnin, 28 Jun 2021.

**22. Adakah golongan sektor industri dan syarikat tertentu bakal diberi keutamaan untuk mengambil bahagian dalam program ini?**

Jawatankuasa SelVAX Industri telah memutuskan pelaksanaan program SelVAX Industri hendaklah berdasarkan "Industry Oriented Ring Vaccination Strategy" (Strategi Vaksinasi Berorientasikan Industri Tersasar). Industri keperluan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan akan diutamakan dan kilang dan syarikat yang mempunyai pekerja yang ramai akan didahulukan tertakluk kepada proses penerimaan tawaran. Walaubagaimanapun, sebuah kategori untuk syarikat yang lebih kecil akan turut diadakan secara beriringan.

Antara fokus utama program SelVAX Industri adalah:

1. Syarikat yang berdaftar dan/atau beroperasi di Negeri Selangor dan Lembah Kelang
2. Syarikat di dalam sektor/perniagaan perlu (diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara) seperti:
  - a. Air, elektrik dan tenaga
  - b. Kesihatan
  - c. Makanan dan minuman
  - d. Kilang bahan makanan, minuman dan keperluan asas harian
  - e. Veterinar dan keperluan makanan haiwan

- f. Barangan keperluan harian atau sendiri (hardware)
  - g. Keselamatan (security and safety), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan
  - h. Pengangkutan – darat, air dan udara
  - i. Perkhidmatan dan pengusahaan Pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang
  - j. Hotel dan penginapan (bagi tujuan kuarantin)
  - k. Perbankan, insurans, takaful dan pasaran modal
  - l. Industri bahan api dan pelincir
  - m. Komunikasi (media, telekomunikasi dan internet)
  - n. Pembersihan, pengurusan sisa pepejal dan pembentungan
  - o. E-dagang dan teknologi maklumat
  - p. Pembaikan kenderaan serta alat ganti berkaitan
  - q. Penjualan perkakasan, peralatan serta alat ganti
  - r. Perkhidmatan penghantaran makanan, minuman dan bungkusan 3
  - s. Pembinaan, penyelenggaraan, pembaikan dan pendawaian bersifat kritikal
  - t. Perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan berkaitan
  - u. Perundangan dan kehakiman
3. Syarikat dengan jumlah pekerja yang ramai

**23. Apakah jenis vaksin COVID-19 yang ditawarkan dalam Program Vaksin Selangor?**

Vaksin CoronaVac (SinoVac) yang dihasilkan oleh SinoVac Life Sciences.

**24. Adakah vaksin COVID-19 selamat dan berkesan?**

Ya, semua vaksin COVID-19 yang diluluskan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) adalah selamat dan berkesan digunakan di Malaysia. NPRA merupakan badan yang bertanggungjawab untuk menilai keselamatan dan keberkesanan vaksin sebelum didaftarkan dalam program pemvaksinan di Malaysia. Sehingga kini, pemberian vaksin COVID-19 Malaysia diberikan kelulusan bersyarat mengikut kepatuhan sepenuhnya kepada penilaian data saintifik, klinikal dan teknikal. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA) akan meluluskan penggunaan vaksin di Malaysia berdasarkan hasil penilaian NPRA. Vaksin CoronaVac (SinoVac) telah memperoleh persetujuan bersyarat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) pada 8 Januari 2021.

Sumber: [vaksinCovid.gov.my](http://vaksinCovid.gov.my)

**25. Berapa jumlah dos yang diperlukan dalam program suntikan vaksin ini?**

Dua dos setiap orang.

**26. Bilakah pekerja bakal menerima dos vaksin yang kedua?**

Dalam tempoh sekurang-kurangnya 21 hari setelah menerima dos pertama.

**27. Apakah julat umur untuk melayakkan seseorang disuntik vaksin?**

Bakal penerima suntikan vaksin seharusnya berumur 18 tahun ke atas dan tiada kontraindikasi kesihatan.

**28. Apakah kesan sampingan yang dialami seseorang setelah menerima suntikan vaksin?**

Kebiasaannya, penerima vaksin berasa lenguh-lenguh di tempat yang disuntik.

Kesan sampingan lain adalah seperti sakit kepala, sakit otot, demam/menggigil, sakit sendi, tempat yang disuntik bengkak, loya, hilang berat badan dan kalenjar limfa membengkak.

**29. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya kesan sampingan ini berterusan lebih dari 48 jam ataupun bertambah teruk?**

- Segera pergi berjumpa doktor
- Laporkan kesan sampingan melalui Aplikasi Selangkah
- Anda juga boleh melaporkan kesan sampingan vaksin COVID-19 melalui [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my)

**30. Adakah pekerja perlu melakukan ujian saringan COVID-19 sebelum menerima vaksin?**

Tidak. Walau bagaimanapun, majikan seharusnya mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan pekerja mereka tidak dijangkiti COVID-19 sebelum menerima vaksin.

**31. Sekiranya seseorang pekerja disahkan positif COVID-19, adakah dia layak mendapatkan suntikan vaksin?**

Ya. Pesakit COVID-19 dibenarkan menerima suntikan vaksin setelah 3 bulan berakhirnya jangkitan.

**32. Apakah syarat yang menyebabkan seseorang TIDAK layak menerima vaksin?**

Individu yang memiliki kriteria berikut tidak layak menerima vaksin:

- Individu yang hipersensitif atau memiliki alahan terhadap apa-apa bahan (bahan aktif atau bahan tidak aktif (eksipien) atau bahan yang digunakan dalam proses) dalam vaksin atau vaksin yang seumpamanya;
- Reaksi alahan yang teruk terhadap vaksin (misalnya anafilaksis akut, angioedema, dispnea);
- Individu yang menjalani rawatan penyakit barah (kemoterapi, radioterapi, imunoterapi);
- Individu yang menjalani pemindahan organ seperti sel stem darah dan ginjal dalam tempoh 3 bulan sebelum suntikan vaksin;
- Individu yang memiliki jumlah platelet yang rendah
- Individu yang demam disebabkan jangkitan virus/bakteria;
- Individu yang menerima rawatan antibodi monoklonal atau plasma darah sebagai rawatan COVID-19 dalam masa 3 bulan sebelum suntikan vaksin;
- Individu yang menghidap HIV.

**33. Adakah ibu hamil dan menyusukan anak dibenarkan mengambil suntikan vaksin?**

CoronaVac (vaksin Sinovac Covid-19) kini sesuai diambil oleh ibu yang mengandung 14-33 minggu dan yang sedang menyusukan anak. Walau bagaimanapun, ibu hamil dan yang sedang menyusukan anak dinasihatkan untuk berjumpa doktor sekiranya mereka mempunyai sebarang kebimbangan. Sumber: [vaksincovid.gov.my](http://vaksincovid.gov.my); Garis Panduan Suntikan Vaksin COVID-19 bagi Ibu Hamil dan Menyusukan Anak

## **Bayaran dan pembayaran balik**

**34. Adakah vaksin yang diterima melalui Program Vaksin Selangor diberi secara percuma?**

Tidak. Majikan akan menanggung kos suntikan vaksin pekerjaanya. Majikan tidak boleh mengenakan sebarang caj berkaitan Program Vaksin Selangor ke atas pekerja mereka.

**35. Berapakah kos vaksin yang dikenakan melalui Program Vaksin Selangor?**

RM 350 untuk dua dos.

**36. Bilakah saya boleh membuat pembayaran bagi vaksinasi ini?**

Pembayaran boleh dibuat selepas mendapat sebutharga.

**37. Bilakah saya akan mendapat slot suntikan vaksin?**

Suntikan vaksin akan diberi secepat mungkin bergantung kepada kekosongan slot setelah pembayaran penuh dibuat dan senarai nama penerima vaksin telah diberi.

**38. Bilakah penerima akan menerima perincian janji temu suntikan vaksin?**

Penerima vaksin akan menerima pengesahan tarikh dan lokasi suntikan vaksin sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh janji temu.

**39. Saya masih belum menerima tarikh janji temu suntikan vaksin. Bolehkah saya terus ke PPV untuk mendapatkan suntikan vaksin tanpa janji temu?**

Tidak. Sesiapa yang datang secara "walk-in" tanpa janji temu yang sah tidak dibenarkan masuk.

**40. Apakah cara untuk memaklumkan pekerja berkenaan tarikh janji temu?**

Pekerja akan dimaklumkan melalui cara yang berikut:

- i. Makluman daripada pihak pengurusan syarikat
- ii. Melalui Aplikasi Selangkah masing-masing (pekerja perlu memuat turun Aplikasi Selangkah)
- iii. Panggilan telefon atau SMS daripada pentadbir Program Vaksin Selangor

**41. Sekiranya pekerja mendapat janji temu Program Imunisasi Kebangsaan sebelum tarikh janji temu Program Vaksin Selangor namun syarikat telah membayar kos suntikan melalui Program Vaksin Selangor, adakah kos yang ditanggung oleh syarikat akan dipulangkan semula?**

Ya. Namun hal ini tertakluk pada terma dan syarat.

**42. Antara tarikh pembayaran dibuat dan tarikh janji temu, salah seorang pekerja saya enggan menerima suntikan vaksin. Adakah kos yang ditanggung oleh syarikat akan dipulangkan semula?**

Tidak.

**43. Antara tarikh pembayaran dibuat dan tarikh janji temu, salah seorang pekerja didapati tidak layak menerima vaksin disebabkan masalah kesihatan. Adakah kos yang ditanggung oleh syarikat akan dipulangkan**

**semula?**

Ya. Namun hal ini tertakluk pada terma dan syarat.

**44. Sekiranya pekerja yang disuntik vaksin mengalami Kesan Advers Selepas Imunisasi (AEFI) yang serius, adakah mereka bakal diberikan sebarang pampasan?**

Ya, Program Vaksin Selangor akan memberikan pampasan kepada penerima yang terjejas dengan syarat terbukti suntikan vaksin tersebut menyebabkan kematian atau hilang upaya kekal setelah disahkan oleh pakar perubatan bahawa ia adalah akibat daripada vaksinasi Program Vaksin Selangor. Namun hal ini tertakluk pada terma dan syarat.

## **Teknikal**

**45. Apakah cara untuk membatalkan pendaftaran?**

Anda tidak perlu membuat apa-apa. Sekiranya sebut harga yang diberikan sudah luput, pendaftaran yang terdapat di dalam sistem akan terbatal secara automatik.

**46. Apakah cara untuk mengetahui sekiranya pendaftaran saya sudah berjaya dan lengkap?**

Apabila ID tempahan diterima, hal ini bermakna pendaftaran anda sudah berjaya dan lengkap. Format ID tempahan ialah: VXSL \*\*\*\*\*

**47. Apakah cara untuk membuat pembetulan pada pendaftaran?**

- i. Hubungi talian hotline kami di 1800-22-6600.
- ii. Melalui laman web [vax.selangkah.my](http://vax.selangkah.my)

**48. Apa peranan Aplikasi Selangkah dalam Program Vaksin Selangor?**

Dalam Program Vaksin Selangor, Aplikasi Selangkah merupakan aplikasi yang akan digunakan bagi tujuan:

- i. Melihat tarikh, masa dan lokasi janji temu suntikan vaksin.
- ii. Pengesahan penerimaan dos daripada penerima.
- iii. Pengeluaran sijil digital kepada penerima setelah melengkapkan beberapa dos yang diperlukan.
- iv. Pelaporan kes AEFI.

**49. Adakah semua penerima vaksin perlu memuat turun Aplikasi Selangkah bagi Program Vaksin Selangor?**

Mereka digalakkan untuk memuat turun Aplikasi Selangkah bagi tujuan yang disebutkan di atas (nombor 48).

**Bagi semua pertanyaan berkenaan vaksin berhubung dengan PROGRAM VAKSIN SELANGOR (SelVAX) Sila Hubungi:**

- **HOTLINE SELCARE:** 1-800-22-6600
- **E-mel:** [vax@selangkah.my](mailto:vax@selangkah.my)
- **Whatsapp:** +6013 446 0366